

**KAJIAN *SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW* (SLR) TENTANG FAKTOR
MEMPENGARUHI KESEDARAN DAN CARA MENGATASI ISU ETIKA DIGITAL
(2018-2022)**

**[A *SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW* (SLR) ON FACTORS AFFECTING
AWARENESS AND WAYS TO OVERCOME DIGITAL ETHICS ISSUES (2018-
2022)]**

MOHD AMIRUL BASHAH^{1*} & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Correspondent Email: P113325@siswa.ukm.edu.my

Received: 10 April 2023

Accepted: 28 April 2023

Published: 7 June 2023

Abstrak: Etika digital merupakan salah satu komponen dalam Kewarganegaraan Digital (Digital Citizenship). Proses pengajaran dan pembelajaran digital tanpa menekankan elemen etika digital akan membuatkan para pelajar dan juga guru terdedah kepada jenayah dan ancaman siber seperti buli siber, pornografi, plagiarisme, penipuan siber, cyber stalking dan bermacam-macam lagi jenayah siber. Banyak kajian menilai tahap kompetensi digital telah dijalankan namun hanya segelintir pengkaji yang telah menjalankan tinjauan literatur sistematik terhadap komponen etika digital. Artikel ini bertujuan untuk menghasilkan tinjauan literatur sistematik tentang isu-isu terhadap amalan etika digital dalam pendidikan. Proses penulisan kajian literatur sistematik ini dijalankan mengikut kaedah PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses). Kajian systematic literature review (SLR) ini dijalankan dengan menggunakan tiga pangkalan data iaitu Scopus, Web of Sciences (WoS) dan ERIC. Sebanyak 18 artikel telah dipilih daripada 87 bermula daripada tahun 2018 sehingga 2022 dengan mengambil kira pengecualian dan kriteria kemasukan. Dapatan kajian telah berhasil mengumpulkan beberapa faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran etika digital antaranya ialah masa penggunaan internet, latar belakang akademik dan faktor penglibatan ibu bapa dan ahli keluarga. Bagi cara mengatasi isu salah laku etika digital pula diwujudkan pelan intervensi dalam pendidikan serta penekanan terhadap kandungan kurikulum pembelajaran. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini secara umumnya dapat membantu para pendidik untuk merancang tindakan yang sesuai bagi meningkatkan kesedaran pengetahuan dan juga kemahiran para pelajar terhadap amalan etika digital serta peningkatan usaha masyarakat menerapkan nilai murni dan moral bagi membentuk tingkah laku yang beretika dan lebih bertanggungjawab.

Kata Kunci: etika digital, kewarganegaraan digital, systematic literature review (SLR), tahap kesedaran, cara mengatasi.

Abstract: Digital ethics is one of the components of Digital Citizenship. Digital teaching and learning without emphasis on digital ethics will expose students and teachers to cybercrimes and threats such as cyberbullying, pornography, plagiarism, cyber fraud, cyberstalking, and various other cybercrimes. Many studies that evaluate the level of digital competencies have been conducted, but only a few researchers have conducted a systematic literature review of the digital ethics components. This article aims to produce a systematic literature review on digital ethics practices in education. This systematic literature review is written according to the PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews

and Meta-Analyses). This systematic literature review (SLR) was conducted using three databases, namely Scopus, Web of Sciences (WoS), and ERIC. 18 out of 87 articles were selected, which were from 2018 to 2022, taking into account exclusions and inclusion criteria. The findings successfully gathered several factors that influence digital ethics awareness, including the time spent using the internet, academic background, and parents and family involvement. To overcome digital ethical misconduct, an intervention plan was created in education as well as an emphasis on the learning curriculum content. Therefore, this study generally helps educators to plan appropriate actions to increase students' awareness of knowledge and skills towards digital ethical practices as well as increase the community's efforts to apply values to form ethical and responsible behavior.

Keywords: digital ethics, digital citizenship, systematic literature review (SLR), awareness level, overcoming digital misconduct.

Cite This Article:

Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli. (2023). Kajian Systematic Literature Review (Slr) Tentang Faktor Mempengaruhi Kesedaran dan Cara Mengatasi Isu Etika Digital (2018-2022) [A Systematic Literature Review (Slr) on Factors Affecting Awareness and Ways to Overcome Digital Ethics Issues (2018-2022)]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(2), 43-63.

PENDAHULUAN

Etika digital merupakan salah satu komponen dalam Kewarganegaraan Digital (*Digital Citizenship*). Menurut Ribble dan Park (2019) terdapat sembilan komponen dalam Kewarganegaraan Digital (DC) iaitu akses digital, perdagangan digital, komunikasi dan kerjasama digital, etika digital, fasih digital, kesihatan dan kebajikan digital, undang-undang digital, hak dan tanggungjawab digital, keselamatan dan privasi digital. Mempelajari etika bermakna membentuk dan mendidik diri menjadi individu yang sopan santun dan baik hati. Amalan etika digital adalah merujuk kepada suatu piawaian tatalaku ataupun prosedur elektronik yang perlu diaplikasikan oleh warga digital untuk berinteraksi dalam persekitaran digital (Haris & Daud, 2021). Akibat daripada bergerak pantas teknologi pada masa kini maka ianya agak sukar untuk dikawal justeru dengan kewujudan etika digital adalah sangat penting bertujuan bagi menjaga maruah diri sendiri dan juga kesejahteraan pengguna yang lain (Luke, 2018) .

Kemajuan teknologi juga menuntut para guru dan pelajar menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk meneruskan pembelajaran. Platform seperti Google Meet, Zoom, WhatsApp, Telegram dan lain-lain lagi sering digunakan oleh pelajar dan guru untuk menjalan proses Pengajaran dan pembelajaran. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan pembelajaran di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) semakin mendapat sambutan dan sokongan oleh warga pendidik dan pelajar. Namun begitu penekanan terhadap pengamalan etika perlu ditekankan semasa menggunakan teknologi digital bagi tujuan sosial ataupun tujuan pendidikan. Ini bertujuan untuk membentuk satu persekitaran yang sihat sambil memastikan hak asasi manusia terjaga dan dapat membentuk masyarakat yang sejahtera (Selvan & Ganesan, 2022). Walaupun terdapat kajian berkenaan tahap kompetensi para pelajar atau guru dalam penggunaan ICT ada dijalankan

namun begitu sedikit sahaja yang mengambil berat terhadap kepentingan etika digital. Kajian oleh Müller (2021) juga telah menceritakan para pakar teknologi bukan sahaja menekankan terhadap kemajuan teknologi tetapi penekanan terhadap isu etika dalam kehidupan digital manusia perlu diambil perhatian, baik pada peringkat individu mahupun dalam masyarakat.

Kajian terhadap amalan etika digital dalam pendidikan telah banyak dijalankan di dalam dan luar negara. Almseidein dan Mahasneh (2020) mendapati tahap kesedaran etika digital di kalangan pelajar Al-Balqa Applied University, Jordan adalah berada pada tahap yang rendah. Para pelajar tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai amalan etika digital semasa penggunaan platform e-Pembelajaran. Dapatan ini disokong juga oleh kajian Sari et al. (2020), mendapati pelajar mempunyai tahap etika digital yang rendah iaitu sebanyak 35.23 peratus. Namun begitu, terdapat percanggahan dapatan kajian oleh Aldosari et al (2020); Hawamdeh et al. (2022); Naaj & Nachouki (2021) pelajar menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap amalan etika digital tetapi usaha perlu dibangunkan oleh para guru, ibu bapa dan masyarakat bagi meningkatkan pengetahuan para pelajar terhadap amalan keselamatan digital dan juga etika digital. Prasetyo et al. (2021) menerusi kajian tinjauannya mendapati para pelajar di lima buah bandar di Central Java, Indonesia menunjukkan mereka bukan sahaja telah menguasai '*digital skill*' malahan turut sama menunjukkan pemahaman yang baik terhadap efikasi sendiri berkaitan etika digital. Antara isu-isu salah laku terhadap etika digital yang selalu dilakukan oleh warga digital adalah seperti buli siber, pornografi, plagiarisme, *cyber stalking*, peras ugut, pengumpanan seksual, pencerobohan data dan bermacam-macam lagi. Laporan oleh Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (2022) dan Nilakusmawati et al. (2022) menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap jenis salah laku etika digital namun mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap kandungan yang tidak sesuai.

Pengkaji juga telah mengenal pasti bahawa kajian mengenai Etika Digital adalah sangat kurang dijalankan di Malaysia. Hasil penyelidikan oleh Baharudin dan Naidu (2021) membincangkan tajuk yang umum iaitu mengenai Digital Citizenship manakala kajian Rahman et al. (2014) dan Shariman et al (2012) pula ada membincangkan tajuk Etika Digital namun begitu kajian mengenai kesedaran Etika Digital di kalangan para pelajar masih kurang dibincangkan di lapangan. Ini dapat dibuktikan dengan hasil *Systematic Literature Review* yang dijalankan oleh Ayub et al. (2021) mendapati terdapat 37 penyelidikan dilakukan di Malaysia melibatkan tajuk Digital Literacy (Literasi Digital) namun kajian mengenai Digital Etika hanya 6.3 peratus sahaja. Menyedari tentang masalah etika yang kian meruncing, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tema perbincangan isu-isu etika digital dalam pendidikan sama ada dalam negara ataupun luar negara. Kertas kajian ini mempunyai sembilan bahagian, pertama pendahuluan kajian yang berkaitan tentang Etika Digital, kedua ialah sorotan literatur kajian lepas, kemudian persoalan dan juga objektif kajian. Bahagian kelima adalah metodologi dan teknik analisis data. Seterusnya dibentangkan dapatan dan perbincangan hasil analisis kajian. Kemudian cadangan kajian lanjutan dan diakhiri dengan kesimpulan.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat banyak definisi yang diberikan kepada etika digital. Kajian-kajian lepas turut menggunakan istilah seperti *digital netiquette*, *digital behavior*, *cyber ethics* dan *computer ethics*. Netiquette atau digital etiquette boleh ditakrifkan sebagai cara berkelakuan secara

profesional melalui komunikasi digital. Ianya juga membawa maksud sebagai set peraturan yang menerangkan perkara yang patut dan tidak patut dilakukan semasa berkomunikasi secara atas talian bagi mengekalkan kesejahteraan bersama (Abd Rahman et al., 2014; Pamarathna, 2019; Sari et al., 2020). Maka dengan itu, ramai penyelidik bersetuju bahawa pendidikan awal ataupun pendedahan terhadap amalan etika digital yang baik perlu dipupuk dari peringkat rendah lagi.

Beberapa kajian berkaitan etika digital telah dilaksanakan antaranya kajian oleh Baharudin & Naidu (2021) menyatakan tahap kesedaran pelajar-pelajar di Universiti Sultan Pendidikan Idris melalui konsep REP (*Respect, Educate dan Protect*) adalah berada pada tahap yang tinggi. Konsep REP adalah merupakan tiga prinsip utama yang wujud dalam Kewarganegaraan Digital. Dengan mengikuti prinsip-prinsip ini akan membentuk para pengguna digital menjadi warga digital yang baik seterusnya akan membentuk sebuah komuniti yang mengamalkan adab kesopanan semasa mengguna teknologi digital. Dapatan oleh kajian Fitra et al. (2022) turut sama mendapati guru-guru juga mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang sangat baik tentang etika digital. Namun begitu ianya berbeza pada faktor tahap akademik dan juga pengalaman menggunakan teknologi digital seseorang (Cem & Dasedmir, 2019). Pengkaji mendapati sedikit perbezaan terhadap tahap kesedaran berdasarkan faktor jantina berdasarkan dapatan kajian oleh Naaj & Nachouki (2021) yang mendapati jantina perempuan mempunyai kesedaran yang lebih tinggi berbanding lelaki. Dapatan ini berbeza dengan hasil kajian oleh Guillén-Gámez et al., (2021) guru lelaki dan perempuan mempunyai level kompetensi digital etika yang tinggi untuk kedua-dua berdasarkan jantina. Kajian lepas berkaitan amalan etika digital juga membincangkan isu salah laku seperti buli siber, pornografi, *cyber stalking-cyber harassment* dan salah laku yang berpunca dari media sosial (Meerangani et al., 2021; Mohammad et al., 2022; Sannusi et al., 2019; Shaari & Kamaluddin, 2021; Wilson et al., 2022) . Dapatan menunjukkan kes seperti buli siber adalah disebabkan penggunaan bahasa yang tidak sopan dimedia sosial. Ini melambangkan para pengguna tidak mematuhi kod etika komunikasi yang sopan dan tidak menunjukkan sikap hormat kepada orang lain semasa atas talian. Justeru dengan adanya amalan etika digital akan melengkapkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dan guru menjadi warga digital yang mempunyai prinsip etika dan sikap bertanggungjawab.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara sistematik terhadap kajian lepas tentang isu-isu terhadap etika digital dalam pendidikan. Persoalan kajian bagi tinjauan literatur sistematik ini ialah seperti berikut:

- Apakah faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran terhadap etika digital dalam pendidikan?
- Apakah cara mengatasi isu terhadap etika digital dalam pendidikan?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian literatur sistematik ini adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran terhadap etika digital dalam pendidikan?
- Mengenal pasti cara mengatasi isu terhadap etika digital dalam pendidikan?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen menerusi tinjauan sistematik literatur (*Systematic Literature Review, SLR*). Proses pelaksanaan kajian tinjauan sistematik literatur ini berpandukan kepada *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA)*. PRISMA membantu pengkaji mengenal pasti kriteria untuk dimasukkan atau dikeluarkan dalam kajian sistematik dan mencari pangkalan data literatur saintifik yang besar dalam tempoh masa yang ditetapkan menerusi empat fasa utama iaitu (1) pengenalpastian (*identification*), (2) penapisan (*screening*), (3) kelayakan (*eligibility*) dan (4) termasuk (*included*) (Page et al., 2021). Pada fasa yang pertama, pengkaji menggunakan tiga enjin carian pangkalan data dalam proses pencarian artikel jurnal. Enjin carian pangkalan data tersebut ialah *Scopus*, *Web of Science (WoS)* dan *Institute of Education Sciences (ERIC)*. Dalam tinjauan sistematik ini, pangkalan data *Scopus* dan *Web of Science (WOS)* telah dijadikan sebagai sumber rujukan utama pencarian artikel-artikel jurnal berkaitan tahap kesedaran etika digital para pelajar disebabkan kedua-duanya merupakan pangkalan data berindeks tinggi. Dalam kajian ini kata kunci *digital ethics*, *digital etiquette*, *digital netiquette*, *cyber ethics*, *digital behaviour* dan *digital citizenship* digunakan bagi mendapatkan data kajian. Kajian ini telah mendapati terdapat 87 artikel yang mendapati carian dengan menggunakan kata kunci yang telah ditetapkan.

Identification (Mengenal pasti)

Langkah yang pertama dalam Systematic Literature Review adalah proses mengenal pasti (*identification*) menggunakan panduan daripada PRISMA. Carian artikel adalah menggunakan pangkalan data *Scopus*, *Web of Science (WoS)* dan *Educational Resources Information centre (ERIC)*. Kata kunci yang digunakan adalah *digital ethics*, *digital etiquette*, *digital netiquette*, *cyber ethics*, *digital behaviour* dan *digital citizenship*. Jadual 1 menunjukkan hasil daripada proses mengenal pasti (*identification*) kajian ini.

Jadual 1: Kata kunci untuk pencarian artikel.

Pangkalan Data	Kata Kunci Pencarian
Scopus (n=17)	<i>TITLE-ABS-KEY (“digital ethics” OR “digital etiquette” OR “digital netiquette” OR “digital behaviour” OR “cyber ethics”) AND (“digital citizenship”)</i>
Web of Sciences (WoS) (n=50)	<i>(TS= (digital ethics)) OR TS= (digital etiquette)) OR TS= (digital netiquette)) OR TS= (digital behaviour)) OR TS= (cyber ethics)) AND TS= (digital citizenship)</i>

ERIC (n=20)	"digital ethics" OR "digital netiquette" OR "digital etiquette" OR "digital behaviour" OR "cyber ethics" AND "digital citizenship"
----------------	---

Screening (Penapisan)

Selepas proses mengenal pasti artikel dijalankan, proses yang seterusnya adalah proses penapisan (Screening). Sebanyak 82 artikel telah berjaya dikenal pasti dan seterusnya disaring lagi. Antara kriteria yang utama dalam pencarian artikel adalah penerbitan dalam tempoh lima tahun terakhir (2018-2022).


Jadual 2: Kriteria Pemilihan Artikel

	Kriteria Pemilihan
Tahun penerbitan	Lima tahun terkini (2018-2022)
Jenis penerbitan	Artikel Jurnal
Bahasa	Malaysia dan Inggeris
Jenis dapatan	Empirikal
Fokus hasil dapatan	Data yang mempunyai hubungan kait dengan pelaksanaan etika digital

Eligibility (Kelayakan)

Selepas proses penapisan dijalankan, sebanyak 74 artikel melalui proses saringan yang kedua. Proses ini dinamakan sebagai proses kelayakan (eligibility). Proses kelayakan dijalankan bertujuan untuk memastikan semua artikel yang dipilih adalah relevan dan boleh digunakan dalam kajian Sistematik Literature Review (SLR). Artikel yang dipilih akan dinilai lagi dengan melihat kepada tajuk dan penulisan abstraknya. Selain daripada tajuk dan abstrak, pemilihan artikel juga berdasarkan bahagian metodologi, hasil dapatan kajian dan juga perbincangan.

Sebanyak 56 artikel telah dikeluarkan kerana ia tidak memberi tumpuan kepada isu-isu Etika Digital dalam pendidikan. Artikel yang dikeluarkan adalah kerana kajian-kajian tersebut bukannya mengenai pendidikan iaitu berkisar tentang pelajar sekolah, guru-guru dan juga pendidikan tinggi, mengandungi artikel yang serupa, tidak boleh diakses sepenuhnya dan artikel ditulis bukan dalam bentuk yang dikehendaki seperti bab dalam buku dan juga kertas konsep. Hasil daripada proses kelayakan ini, sebanyak 18 artikel telah berjaya dipilih untuk proses yang seterusnya iaitu proses kemasukan (Included). Proses carian artikel secara sistematik menggunakan PRISMA adalah seperti Rajah 1:



Rajah 1: Carta alir model PRISMA diadaptasi daripada Rafiq et al.,(2021)

Included (Pemasukan)

Pemilihan artikel bagi kajian sistematik ini adalah berkisar tentang mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesedaran etika digital dan juga mengenal pasti cara mengatasi isu etika digital dalam pendidikan. Kajian yang terpilih telah ditunjukkan seperti dalam Jadual 3. Pangkalan data Scopus, WoS dan ERIC ini dipilih kerana melihat kepada kualiti artikel yang dihasilkan dan fokus pencarian artikel adalah dalam bidang pendidikan.

Jadual 3: Ringkasan artikel yang dipilih.

Pengarang	Pangkalan Data	Fokus Kajian	Metodologi/ Sampel	Dapatan
Yıldız et al., (2020)	ERIC	Menentukan tahap DC pelajar universiti	Kuantitatif/ 253 orang pelajar dari pelbagai jabatan	Tahap DC pelajar-pelajar universiti adalah berbeza-beza.
Elmali, Tekin & Polat (2020)	ERIC	Menentukan persepsi DC dan tahap DC guru-guru pelatih pra sekolah	Kaedah campuran/ 80 orang guru pelatih	Keputusan menunjukkan bahawa tahap DC peserta adalah di atas purata.
Daher et al. (2022)	Scopus	Mengenal pasti tahap kepercayaan guru sekolah tentang kesedaran pelajar mereka terhadap DC.	Kuantitatif / 153 orang guru	Tiada perbezaan yang signifikan dalam kepercayaan guru mengikut faktor jantina, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.
Takavarasha, Cilliers & Chinyamurindi (2018)	ERIC	Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pelajar di Afrika Selatan untuk mempelajari DC	Kaedah Campuran/ 148 orang pelajar untuk menjawab soal selidik dan 15 orang untuk temu duga.	Walaupun pelajar mempunyai kecerdasan terhadap kemahiran digital tetapi kekurangan terhadap pendedahan etika digital harus dibantu oleh beberapa aspek.

Hawamdeh et al. (2022)	Scopus	Mengkaji kesedaran dan pengetahuan pelajar tentang DC semasa pembelajaran jarak jauh.	Kaedah campuran/ Pelajar daripada Al-Quds Open University (QOU) dan pelajar-pelajar daripada University of Kyrenia (KU) / temu bual, deskriptif dan Z-test	Pelajar daripada kedua-dua universiti menunjukkan tahap kesedaran terhadap DC tetapi didapati kurang pengetahuan dan kefahaman tentang konsep 'digital rights', digital security dan 'digital ethics'.
Martin et al. (2020)	Scopus	Mengenal pasti persepsi pelajar tentang amalan DC	Kajian kuantitatif/ 237 orang pelajar	Penglibatan guru, pengurus organisasi dan ibu bapa perlu diimplementasikan dalam pengajaran di sekolah mahupun di rumah.
Al-Abdullatif & Gameil (2020)	Scopus	Kajian ini untuk mengenal pasti pengetahuan dan pengamalan pelajar tentang elemen dalam DC.	Kuantitatif/ 204 orang pelajar	Kajian mendapati para pelajar tidak menguasai sepenuhnya tentang DC.
Sari, Rejekiningsih & Muchtarom (2020)	Scopus	Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan profil pelajar terhadap etika digital di Kota Surakarta, Indonesia	Kuantitatif, kajian tinjauan / tiga buah sekolah iaitu sekolah menengah, sekolah menengah kerajaan negeri dan sekolah menengah swasta iaitu sebanyak 210 pelajar	Keputusan menunjukkan bahawa etika digital pelajar dengan kategori yang lebih sedikit mempunyai peratusan tertinggi iaitu 35.23%. Manakala kategori cukup mencapai 32.85% dan kategori baik ialah 31.90%.

Hui B., & Campbell R. (2018)	Scopus	Mengenal pasti sikap dan pendapat pelajar tentang pelbagai konsep kewarganegaraan digital.	Kajian kuantitatif/ soal selidik	Keputusan menunjukkan terdapat elemen DC yang perlu dititikberatkan oleh pelajar.
Wang X., & Xing W. (2018)	Scopus	Mengenal pasti kesan penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi terhadap kewarganegaraan digital remaja.	Kuantitatif/ tinjauan terhadap 270 orang remaja dan ibu bapa masing-masing.	Tahap DC remaja dipengaruhi oleh penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi ibu bapa
Harrison & Polizzi (2022)	WoS	Mengenal pasti tindakan moral yang dilakukan oleh kanak-kanak berumur 13-16 tahun di England apabila berinteraksi dengan orang lain.	Kaedah campuran/ Soal selidik dan temu bual	Analisis Ujian Chi-Square, regresi dan lain-lain penerokaan menunjukkan bahawa kebanyakan kanak-kanak berumur 13-16 tahun menggunakan alasan etika yang baik untuk membenarkan tindakan moral.
Zhong et al. (2021)	WoS	Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi buli siber dalam	Kuantitatif/ soal selidik kepada 947 pelajar kolej Cina.	Dapatan menunjukkan kes buli siber secara amnya berada pada tahap yang rendah namun faktor jantina mempunyai

		kalangan pelajar kolej.		kesan terbesar terhadap kes buli siber.
Antunes, Silva & Marques (2021)	WoS	Kertas kerja ini bertujuan untuk membentangkan keselamatan siber bersepadu dan strategi kesedaran siber.	Kuantitatif, soal selidik /164 pelajar dari sekolah menengah rendah	Sikap dan tingkah laku dalam pelajar gred sembilan adalah lebih rendah secara global berbanding dengan yang dicapai oleh pelajar darjah enam.
Torres-Gastelú, (2021)	WoS	Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap langkah-langkah pencegahan privasi dalam talian.	Kaedah campuran	Keputusan menunjukkan bahawa Pelajar universiti Mexico dan Colombia mempunyai sikap yang menggalakkan terhadap langkah-langkah pencegahan privasi dalam talian.
Zhao et al. (2022)	WoS	Mengenal pasti perkaitan antara rangkaian yang tidak bernama dan tingkah laku pembuli siber	Kuantitatif/ 620 orang peserta.	Keputusan menunjukkan bahawa rangkaian tidak bernama dikaitkan secara negatif dengan tingkah laku buli siber.
		Mengkaji keberkesanan intervensi		Keputusan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada

Vlaanderen, Bevelander & Kleemans (2020)	WoS	anti-buli siber terhadap kanak-kanak.	Kajian kuantitatif berbentuk kajian eksperimen	intervensi anti-buli siber mempunyai lebih banyak niat untuk campur tangan bagi pihak mangsa buli siber berbanding kanak-kanak yang tidak terdedah kepada intervensi.
Young, Miles & Alhabash (2018)	WoS	Mengenal pasti strategi yang digunakan dalam interaksi awam yang agresif iaitu dikenali sebagai buli siber.	Kajian tinjauan menggunakan soal selidik	Dapatan kajian mempunyai implikasi untuk pembangunan kewarganegaraan digital dan inisiatif anti-buli siber yang menggalakkan tingkah laku pemerhati yang berkesan dalam talian.
Salhab et al., (2021)	WoS	Kajian ini bertujuan untuk menguji kod etika dalam talian untuk sekolah di Palestin	Kaedah campuran/ temubual 10 orang guru, soal selidik 280 orang guru	Kod etika diterima pakai oleh guru sekolah.


DAPATAN

Sebanyak 18 artikel telah dipilih selepas melalui beberapa proses saringan. Kajian mendapati tujuh artikel adalah daripada pangkalan data *Scopus*, lapan daripada *WoS* dan hanya tiga daripada *ERIC*. Terdapat tiga artikel diterbitkan pada 2018, tujuh artikel diterbitkan pada 2020, lima artikel diterbitkan pada 2021 dan tiga artikel diterbitkan pada 2022. Kajian juga telah mengklasifikasikan artikel-artikel berdasarkan tema dan juga berdasarkan persoalan kajian yang telah digariskan. Jadual 4 dan rajah 2 di bawah menunjukkan pengelasan artikel mengikut kedua-dua tema tersebut:

Jadual 4: Tema perbincangan artikel.

Bil.	Pengarang/ tahun	Tema 1:	Tema 2:
		Faktor Kesedaran Tahap Etika Digital	Cara Mengatasi Isu Etika Digital
1.	Yıldız et al., (2020)	/	
2.	Elmali, Tekin & Polat (2020)	/	
3.	Daher et al. (2022)	/	
4.	Takavarasha, Cilliers & Chinyamurindi (2018)	/	
5.	Hawamdeh et al. (2022)		/
6.	Martin et al. (2020)	/	
7.	Al-Abdullatif & Gameil (2020)	/	
8.	Sari, Rejekiingsih & Muchtarom (2020)		/
9.	Hui B., & Campbell R. (2018)	/	
10.	Wang X., Xing W. (2018)	/	
11.	Harrison & Polizzi (2022)		/
12.	Zhong et al. (2021)	/	
13.	Antunes, Silva & Marques (2021)		/
14.	Torres-Gastelú (2021)	/	
15.	Zhao et al. (2022)		/
16.	Vlaanderen, Bevelander & Kleemans (2020)		/
17.	Young, Miles & Alhabash (2018)	/	
18.	Salhab et al. (2021)		/
		11	7

Rajah 2: Graf jumlah artikel mengikut tema



PERBINCANGAN

Persoalan Kajian 1: Apakah faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran terhadap etika digital dalam pendidikan?

Berdasarkan tinjauan sistematik ini, sebanyak 11 artikel membincangkan berkenaan tahap kesedaran terhadap amalan etika digital. Keputusan kajian didapati mempunyai pelbagai tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Perbezaan tahap kesedaran ini adalah disebabkan beberapa faktor. Antara faktor tersebut adalah seperti masa penggunaan internet. Menurut kajian Yildiz, Cengel & Alkan (2020) tahap kesedaran etika digital adalah dipengaruhi oleh masa penggunaan internet seharian. Pelajar yang banyak menggunakan masa untuk aktiviti berinternet mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi terhadap perbuatan yang beretika semasa aktiviti digital dijalankan.

Selain faktor masa penggunaan internet, tahap kesedaran dipengaruhi juga oleh faktor latar belakang akademik. Penemuan kajian oleh Al-Abdullatif & Gameil (2020) terhadap pelajar ijazah sarjana muda di Universiti King Faisal, Arab Saudi menunjukkan pelajar yang mempunyai latar belakang bidang Teknologi Pendidikan mempunyai tahap kesedaran lebih tinggi berbanding pelajar daripada bidang Pendidikan Kanak-kanak, Pendidikan Seni dan Pendidikan Keperluan Khas. Kajian oleh Elmali, Tekin & Polat (2020) dan Daher et al. (2022) turut sama mengenal pasti adakah latar belakang akademik mempengaruhi tahap kesedaran etika digital guru. Hasil dapatan menunjukkan guru-guru mencapai tahap penguasaan etika digital yang tinggi. Namun tumpuan haruslah diberikan kepada terma keselamatan digital dan juga tanggungjawab digital kerana ianya menunjukkan calon guru-guru tersebut mempunyai salah anggapan terhadap elemen tersebut. Namun begitu ianya juga harus ditambah nilai oleh bimbingan dan latihan insaniah berkenaan keselamatan dalam talian, etika digital dan maklumat yang tidak mencukupi literasi. Justeru kajian Takavarasha, Cilliers & Chinyamurindi (2018) dan Torres-Gastelú (2021) telah memperincikan pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi haruslah diberi perhatian oleh ahli keluarga, penekanan dalam subjek pembelajaran dan juga dipengaruhi faktor pengalaman pelajar itu sendiri bagi mengawal tingkah laku yang tidak bermoral semasa menggunakan sebarang teknologi digital.

Oleh disebabkan peningkatan terhadap penggunaan alat peranti digital seperti komputer riba, telefon pintar, *tablet* dan sebagainya di kalangan pelajar, penekanan terhadap amalan yang mematuhi etika perlu dititik beratkan. Isu seperti penipuan siber dan buli siber merupakan contoh perbuatan yang tidak beretika dalam dunia teknologi pada masa kini. Kajian oleh Martin et al. (2020) dan Hui B., & Campbell R. (2018) telah dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pelajar tentang amalan terhadap buli siber, *digital netiquette*, *privacy digital* dan *digital identity*. Dapatan kajian menunjukkan 55.3 peratus ibu bapa atau keluarga mengawasi dan memerhatikan segala aktiviti digital anak-anak mereka. Seramai 73 peratus pula mengaku bahawa tidak pernah terlibat dengan kes pembelian siber, hanya 57 peratus sahaja yang mengamalkan etika digital semasa berkomunikasi di internet dan membuat hantaran (*posting*) melalui media sosial. Keputusan-keputusan menunjukkan tahap kesedaran pelajar adalah berada pada tahap sederhana. Ibu bapa dan keluarga merupakan individu yang paling rapat dan dekat dengan diri pelajar sehubungan dengan itu ibu bapa dan keluarga wajibliah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap kesedaran etika digital pelajar. Remaja yang

ibu bapanya terlibat dalam penggunaan teknologi dan aktiviti dalam talian, mereka mempunyai tahap etika digital dan keselamatan digital yang lebih tinggi dan positif (Wang X., Xing W. 2018).

Antara jenayah siber yang dibincangkan melalui pemilihan artikel-artikel dalam kajian ini adalah tentang buli siber (*Cyberbully*). Jenayah buli siber adalah perkara yang sering kali terjadi terhadap para pengguna teknologi digital. Kajian oleh Zhong et al. (2021) terhadap 947 orang pelajar kolej di China telah mendapati terdapat beberapa punca atau faktor berlakunya jenayah buli siber. Antaranya ialah faktor jantina, umur, masa mula untuk menggunakan internet, masa penggunaan internet seharian, jenis tingkah laku sosial dalam talian dan bilangan komuniti dalam talian. Faktor jantina dan latar belakang peribadi menunjukkan kesan yang signifikan terhadap kes pembuli dan yang dibuli. Manakala dari segi masa penggunaan Internet peribadi dan tabiat rangkaian sosial, purata masa dalam talian harian pelajar tidak mempunyai korelasi yang signifikan dengan pembuli siber dan mangsa buli. Selain daripada itu Young, Miles & Alhabash (2018) mendapati aktiviti buli siber yang sering berlaku semasa dalam talian adalah berpunca daripada sikap si mangsa buli itu sendiri. Walaupun kes buli siber adalah suatu kesalahan yang besar namun begitu reaksi daripada mangsa buli siber telah membuatkan perkara ini berulang-ulang kali berlaku. Ini menggambarkan bahawa, para pengguna teknologi digital mempunyai kurang pengetahuan untuk bertindak balas terhadap jenayah buli siber. Selain daripada melaporkan kepada pihak berkuasa, mangsa-mangsa buli haruslah tidak melayan provokasi yang dilakukan oleh si pemangsa dan juga bertindak balas secara positif.

Persoalan Kajian 2: Apakah cara mengatasi isu terhadap etika digital dalam pendidikan?

Isu-isu dan kesan negatif yang melibatkan teknologi digital harus diambil perhatian oleh semua pihak. Antara jenayah dan ancaman siber yang sering berlaku adalah seperti emel *phising*, penggodaman, penghendap siber, buli siber, kandungan haram (fitnah dan pornografi), plagiarisme dan lain-lain lagi. Bagi mengatasi masalah terhadap isu etika digital ini, tujuh artikel telah membincangkan cara mengatasi isu tersebut. Semasa krisis COVID-19 melanda dunia, pembelajaran digital adalah solusi kepada arahan penutupan sekolah di seluruh dunia. Galakkan penggunaan medium digital adalah sangat bagus namun malangnya etika pembelajaran digital adalah sangat tidak jelas tentang pelaksanaannya. Justeru menurut Salhab et al. (2021) kod etika harus diterapkan kepada guru dan pelajar. Kod-kod etika tersebut diterjemahkan mengikut tema. Tema yang pertama adalah menghormati dan melindungi maruah, tema kedua pula hak dan tanggungjawab guru dan pelajar dalam persekitaran pembelajaran dalam talian, tema ketiga ialah komitmen terhadap profesion (guru dan pelajar) dan tema yang keempat adalah komitmen terhadap sistem pendidikan jarak jauh. Keempat-empat tema ini telah dinilai oleh pakar pembelajaran dan hasilnya adalah sangat diterima.

Dalam satu kajian lain, Sari et al. (2020) mencadangkan salah satu cara yang berkesan untuk memperkukuhkan etika digital pelajar adalah melalui literasi kemanusiaan yang boleh disepadukan dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik di sekolah. Aktiviti seperti buli siber dan penyebaran berita palsu dapat diatasi dengan langkah inovasi dalam sistem pendidikan. Melalui implementasi etika digital dalam Pendidikan Sivik dapat membentuk nilai patriotisme, nilai murni dan moral. Dengan nada yang sama, Harrison & Polizzi (2022) dan Zhao et al., (2022) juga menekankan kepada aspek pendidikan. Penekanan terhadap elemen moral yang perlu

diterapkan kepada para remaja dalam mendepani cabaran jenayah dan ancaman siber. Hasil perbincangan mendapati pada peringkat umur kanak-kanak di England menunjukkan reaksi yang bermoral semasa berhadapan dengan ancaman siber. Mereka menunjukkan reaksi yang positif dan juga mengambil tindakan untuk membiarkan sahaja sekiranya terdapat bibit-bibit tingkah laku yang tidak bermoral di internet atau media sosial. Namun keadaan ini berubah apabila umur mereka semakin meningkat ke arah remaja. Hawamdeh et al. (2022) bersetuju untuk menerapkan silibus berkenaan etika digital ke dalam kurikulum pembelajaran bagi meningkatkan kesedaran para pelajar dan juga kesedaran guru.

Bagi lebih memahami strategi melalui pengajaran dan pembelajaran etika digital dan kesannya, Antunes et al. (2021) telah menilai kesedaran etika digital terhadap 164 orang pelajar yang terdiri daripada gred 6 dan gred 9. Hasil penelitian telah menunjukkan bahawa dengan pelaksanaan rancangan pengajaran yang direka menggunakan elemen Kewarganegaraan Digital dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap keselamatan siber dan kesedaran siber. Selain daripada penerapan melalui sistem pendidikan, terdapat juga cara lain bagi mengatasi isu etika digital. Vlaanderen et al. (2020) telah menjalankan kajian eksperimental terhadap pelajar berkenaan kes buli siber. Intervensi anti-buli siber telah diberikan kepada kanak-kanak supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka tentang insiden buli siber. Hasil kajian menunjukkan intervensi tersebut berjaya merangsang niat kanak-kanak untuk mencampuri urusan dalam kes buli siber. Keputusan ini membuktikan pelaksanaan intervensi terhadap masalah atau isu terhadap etika digital boleh diatasi.

CADANGAN

Dapatan kajian literatur sistematik ini adalah berfokuskan amalan etika digital dalam dunia pendidikan. Pengkaji mencadangkan agar dapat membincangkan elemen-elemen yang lain dalam Kewarganegaraan Digital seperti elemen kesihatan dan kebajikan digital, fasih digital dan keselamatan dan privasi digital. Pengkaji berpendapat elemen-elemen ini adalah melibatkan penggunaan oleh para pelajar dan guru dalam meneruskan pembelajaran berasaskan digital. SLR ini juga menunjukkan bahawa banyak kajian lepas yang membincangkan tahap kesedaran etika digital pelajar mahupun guru. Oleh itu disyorkan untuk mencipta modul bagi meningkatkan kesedaran amalan etika digital dari segi pengetahuan, sikap dan kemahiran. Di samping itu, adalah disyorkan bahawa tinjauan literatur sistematik masa hadapan memberikan tumpuan kepada sampel daripada faktor persekitaran seperti ibu bapa dan masyarakat. Hal ini kerana bagi meningkatkan tahap kesedaran amalan etika digital, usaha yang menyeluruh perlulah dijalankan oleh semua pihak dan bukan menumpu kepada guru dan pelajar sahaja. Carian literatur sistematik yang lebih komprehensif dalam pangkalan data lain seperti Google Scholar, Research Gate dan Science Direct untuk mendapatkan artikel berkaitan daripada lebih jurnal yang pelbagai, juga disyorkan. Kajian ini juga mengesyorkan carian berasingan untuk artikel dalam jurnal yang berkaitan dengan pendidikan dan pembelajaran sahaja. Dengan menghadkan semakan kepada jurnal pendidikan dan pembelajaran, hasilnya akan lebih relevan, fokus, tepat dan sejajar dengan pendidikan isu yang dikaji.

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian terhadap hasil dapatan daripada literatur yang telah dinyatakan, secara ringkasnya berbagai faktor telah diketahui yang mempengaruhi tahap kesedaran etika digital dan juga cara-cara bagi mengatasi isu etika digital dalam pendidikan. Perbincangan sebelum ini menunjukkan betapa pentingnya amalan etika digital ditekankan terutamanya dalam sektor pendidikan. Pemahaman yang jelas terhadap kedua-dua tema yang dibincangkan juga berupaya menjadi panduan kepada para pengkaji akan datang dalam bidang teknologi pendidikan. Sebagai kesimpulan, semua pihak perlu memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan amalan etika digital. Segala dapatan dan juga cadangan-cadangan daripada kajian literatur yang dibuat haruslah diimplementasikan dalam gerak kerja dalam bidang pendidikan dan juga kehidupan bermasyarakat. Usaha yang konsisten dan bersepadu perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar masyarakat dan warga pendidikan khususnya tidak leka dengan bahaya dan ancaman-ancaman yang datang melalui teknologi digital seperti buli siber, pornografi, penipuan siber, plagiarisme, penyebaran berita palsu dan fitnah, pengumpanan seksual dan bermacam-macam lagi. Kajian lanjutan juga diharap dapat memberikan input cadangan penambahbaikan usaha terhadap meningkatkan amalan etika digital seterusnya menjadikan para pengguna teknologi digital sebagai warga digital yang baik dan beretika.

RUJUKAN

- Abd Rahman, N., Razali, N. S., Ali, S. A. M., Malim, N., Husin, M. H., & Singh, M. M. 2014. Digital Etiquette: Educating Primary School Children via Mobile Game Application. *Proceeding of Knowledge Management International Conference, January 2016*.
- Ahsan, M. H., Ayub, N., & Azman, N. S. 2021. Digital Literacy in Malaysia : A Systematic Literature Review on Digital Literacy in Malaysia : A Systematic Literature Review on Methodological Approaches. *Malaysian Journal of Qualitative Research*, 7(1): 107–125.
- Al-Abdullatif, A. M., & Gameil, A. A. 2020. Exploring Students' Knowledge and Practice of Digital Citizenship in Higher Education. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 15(19): 122–142. <https://doi.org/10.3991/ijet.v15i19.15611>
- Aldosari, F. F., Aldaihan, M. A., & Alhassan, R. A. 2020. Availability of ISTE Digital Citizenship Standards Among Middle and High School Students and Its Relation to Internet Self-Efficacy. *Journal of Education and Learning*, 9(5): 59. <https://doi.org/10.5539/jel.v9n5p59>
- Allan Luke. 2018. Digital Ethics Now. *Language and Literacy*, 20(3): 185–198. <https://doi.org/10.20360/langandlit29416>
- Almseidein, T. A., & Mahasneh, O. M. K. 2020. Awareness of ethical issues when using an e-learning system. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 11(1): 128–131. <https://doi.org/10.14569/ijacsa.2020.0110116>
- Antunes, M., Silva, C., & Marques, F. 2021. An integrated cybernetic awareness strategy to assess cybersecurity attitudes and behaviours in school context. *Applied Sciences (Switzerland)*, 11(23): 1–18. <https://doi.org/10.3390/app112311269>

- Baharudin, N. H., & Naidu, N. B. M. 2021. Penerapan konsep REP kewarganegaraan digital dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai warganegara digital. *EDUCATUM – Journal of Social Science*, 7(1): 30–44. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.1.4.2021>
- Cem, N., & Dasdemir, I. 2019. Social Studies Teacher Candidates' Perception of Digital Citizenship. *International Journal of Educational Methodology*, 5(3): 465–477. <https://doi.org/10.12973/ijem.5.3.465>
- Daher, W., Omar, A., Swaity, H., Allan, B., Dar Issa, S., Amer, Z., & Halabi, A. 2022. Upper-Basic Schoolteachers' Beliefs about Their Students' Awareness of Digital Citizenship. *Sustainability (Switzerland)*, 14(19). <https://doi.org/10.3390/su141912865>
- Elmali, D. F., Tekin, D. A., & Polat, E. 2020. A Study on Digital Citizenship: Preschool Teacher Candidates Vs. Computer Education and Instructional Technology Teacher Candidates. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 21(4): 251–269. <https://doi.org/10.17718/TOJDE.803423>
- Fitra, K. R., Apriliya, S., Abdul, D., & Lidinillah, M. 2022. Literasi Digital Ethics Guru Sekolah Dasar. *Jurnal Pengembangan Pendidikan Dasar*, 6(2): 202–209.
- Guillén-Gámez, F. D., Mayorga-Fernández, M. J., & Contreras-Rosado, J. A. 2021. Incidence of gender in the digital competence of higher education teachers in research work: Analysis with descriptive and comparative methods. *Education Sciences*, 11(3): 1–14. <https://doi.org/10.3390/educsci11030098>
- Haris, N. A., & Daud, M. Y. 2021. Kewarganegaraan Digital (Digital Citizenship). In Fariza Khalid, Mohd Jasmy Abd Rahman, & Md Yusoff Daud (Eds.), *Pendidikan Digital Era RI 4.0* (pp. 1076–1134). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harrison, T., & Polizzi, G. 2022. (In)civility and adolescents' moral decision making online: drawing on moral theory to advance digital citizenship education. *Education and Information Technologies*, 27(3): 3277–3297. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10710-0>
- Hawamdeh, M., Altınay, Z., Altınay, F., Arnavut, A., Ozansoy, K., & Adamu, I. 2022. Comparative analysis of students and faculty level of awareness and knowledge of digital citizenship practices in a distance learning environment: case study. In *Education and Information Technologies* (Vol. 27, Issue 5). Springer US. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10868-7>
- Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. 2022. *Laporan Eksekutif Dapatan Kajian Tanda Aras Tahap Kesedaran Keselamatan Siber Dalam Kalangan Murid Sekolah dan Ibu Bapa 2021_2022.pdf*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Martin, F., Hunt, B., Wang, C., & Brooks, E. 2020. Middle School Student Perception of Technology Use and Digital Citizenship Practices. *Computers in the Schools*, 37(3). <https://doi.org/10.1080/07380569.2020.1795500>
- Meerangani, K. A., Suyurno, S. S., & Ramli, M. A. 2021. Penyalahgunaan Media Sosial Dan Aplikasi Atas Talian Ketika Pandemik. In Abdul Rashid Abdul Aziz, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Siti Nubailah Mohd Yusof, & Anita Abdul Rani (Eds.), *COVID-19 Dari*

- Perspektif Sains Sosial : Implikasi Dan Solusi* (Issue June, pp. 143–160). Universiti Malaysia Pahang.
- Mohammad, S., Syed, H., Rahman, A., & Zarrina, C. 2022. Penggunaan Media Sosial Baharu : Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam The Use of New Social Media : Issues and Guidelines From an Islamic Perspective Pendahuluan Penggunaan media sosial baharu pada masa kini adalah seiring dengan era kemodenan yang berlak. *Jurnal Usuluddin*, 50(1): 73–96.
- Müller, V. C. 2021. *History of digital ethics. Oxford Handbook of Digital Ethics (Oxford: Oxford University Press)*, 18. www.sophia.de
- Naaj, M. A., & Nachouki, M. 2021. Evaluating Students' Cyber Ethics Awareness in a Gender-Segregated Environment Under the Impact of COVID-19 Pandemic. *TEM Journal*, 10(3): 1248–1256. <https://doi.org/10.18421/TEM103-31>
- Nilakusmawati, D. P. E., Adinugraha, D. M. A., Made Srinadi, I. G. A., & Adi Bharata, G. G. 2022. Study of Perceptions of Social Media Users Regarding Digital Ethics. *International Journal of Human Resource Studies*, 12(3): 1. <https://doi.org/10.5296/ijhrs.v12i3.19947>
- Nur Hidayah Baharudin, & Noor Banu Mahadir Naidu. 2021. Penerapan konsep REP kewarganegaraan digital dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai warganegara digital. *EDUCATUM – Journal of Social Science*, 7(1): 30–44.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. 2021. The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ*, 372, 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Pemarathna. 2019. Bad Netiquette of Digitam Citizen in Sri Lanka. *Global Scientific Journal*, 7(2): 483–496.
- Prasetyo, W. H., Naidu, N. B. M., Sari, B. I., Mustofa, R. H., Rahmawati, N., Wijaya, G. P. A., & Hidayat, O. T. 2021. Survey data of internet skills, internet attitudes, computer self-efficacy, and digital citizenship among students in Indonesia. *Data in Brief*, 39. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2021.107569>
- Rafiq, K. R. M., Hashim, H., & Yunus, M. M. 2021. Sustaining education with mobile learning for english for specific purposes (Esp): A systematic review (2012–2021). *Sustainability (Switzerland)*, 13(17). <https://doi.org/10.3390/su13179768>
- Rahman, N. A., Razali, N. S., Ali, S. A. M., Malim, N. H. A. H., Husin, M. H., & Singh, M. M. 2014. Digital Etiquette: Educating Primary School Children via Mobile Game Application. *Proceeding of Knowledge Management International Conference, January 2016*.
- Ribble, M., & Marty Park. 2019. *The Digital Citizenship Handbook for School Leaders: Fostering Positive Interactions Online*. International Society for Technology in Education.
- Salhab, R., Hashaikah, S., Najjar, E., Wahbeh, D., Affouneh, S., & Khlaif, Z. 2021. A Proposed Ethics Code for Online Learning During Crisis. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 16(20), 238–254. <https://doi.org/10.3991/ijet.v16i20.24735>

- Sannusi, S. N., Ibrahim, F., Shaari, A. H., & Subhi, N. 2019. The use of social media among b40 adolescents in Klang Valley. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4): 101–118. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3504-07>
- Sari, D. I., Rejekiningsih, T., & Muchtarom, M. 2020. Students' Digital Ethics Profile in The Era of Disruption: An Overview From The Internet Use at Risk in Surakarta City, Indonesia. *International Journal of Interactive Mobile Technologies*, 14(3): 82–94. <https://doi.org/10.3991/ijim.v14i03.12207>
- Selvan, T., & Ganesan, K. 2022. Trends In Digital Ethics And Educational Technology System In The Present Climate. *International Journal of Advance and Innovative Research*, 9(3).
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. 2021. Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39): 223–234. <https://doi.org/10.35631/ijepc.6390015>
- Shariman, T. P. N. T., Razak, N. A., & Noor, N. F. M. 2012. Digital Literacy Competence for Academic Needs: An Analysis of Malaysian Students in Three Universities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 69(Icepsy), 1489–1496. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.090>
- Takavarasha, S., Cilliers, L., & Chinyamurindi, W. 2018. Navigating the unbeaten track from digital literacy to digital citizenship: A case of university students in South Africa's Eastern Cape province. *Reading & Writing*, 9(1): 1–15. <https://doi.org/10.4102/rw.v9i1.187>
- Torres-Gastelú, C. A. (2021). Late Adoption of Preventive Measures of Online Privacy in Mexican and Colombian University Students. *Problems of Education in the 21st Century*, 79(1): 162–184. <https://doi.org/10.33225/pec/21.79.162>
- Vlaanderen, A., Bevelander, K. E., & Kleemans, M. 2020. Empowering digital citizenship: An anti-cyberbullying intervention to increase children's intentions to intervene on behalf of the victim. *Computers in Human Behavior*, 112(April), 106459. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2020.106459>
- Wilson, C., Sheridan, L., & Garratt-Reed, D. 2022. What is Cyberstalking? A Review of Measurements. *Journal of Interpersonal Violence*, 37(11–12), NP9763–NP9783. <https://doi.org/10.1177/0886260520985489>
- Yıldız, E. P., Çengel, M., & Alkan, A. 2020. Determination of digital citizenship levels of university students at sakarya university Turkey. *International Journal of Higher Education*, 9(3), 300–308. <https://doi.org/10.5430/IJHE.V9N3P300>
- Young, R., Miles, S., & Alhabash, S. 2018. Attacks by Anons: A Content Analysis of Aggressive Posts, Victim Responses, and Bystander Interventions on a Social Media Site. *Social Media and Society*, 4(1). <https://doi.org/10.1177/2056305118762444>
- Zhao, L., Wu, Y., Huang, X., & Zhang, L. 2022. Network Anonymity and Cyberbullying among Chinese Adolescents: A Moderated Mediation Model. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(2). <https://doi.org/10.3390/ijerph19020637>
- Zhong, J., Zheng, Y., Huang, X., Mo, D., Gong, J., Li, M., & Huang, J. 2021. Study of the Influencing Factors of Cyberbullying Among Chinese College Students Incorporated

With Digital Citizenship: From the Perspective of Individual Students. *Frontiers in Psychology*, 12(March). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.621418>